

YB DATO SRI MUHAMMAD LEO TOYAD



Pada tahun 1977 YB Dato Sri telah memulakan tugas sebagai Pegawai Perubatan dan Kesihatan di Jabatan Kesihatan Sarawak dan sekali lagi kembali ke UM kemudiannya berjaya menerima Ijazah Sarjana Kesihatan Awam pada tahun 1981. Pada tahun 1982, beliau meninggalkan tugasnya di Jabatan Kesihatan Sarawak untuk bertanding di kerusi Parlimen Mukah dan seterusnya memenangi kerusi tersebut buat kali pertama.

Pelantikan YB Dato Sri Muhammad Leo Toyad sebagai Pengerusi yang baru merupakan satu penghormatan kepada LGM. Diharapkan dengan bimbingan, kepakaran dan pengalaman luas yang dimiliki oleh beliau akan dapat memberi manfaat serta pencapaian prestasi LGM akan dapat dipertingkatkan, khususnya dalam penyelidikan dan pembangunan industri getah Negara.

Tahniah diucapkan kepada YB Dato Sri Muhammad Leo Toyad di atas pelantikan ini.

YB Dato Sri Muhammad Leo Toyad telah menerima watak pelantikan sebagai Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM) daripada YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi di Putrajaya pada 17 Disember 2015.

YB Dato Sri Muhammad Leo Toyad merupakan Ahli Parlimen Malaysia bagi kawasan Mukah, Sarawak dan mewakili Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Beliau telah dipilih ke Parlimen pada pilihan raya 1982 dan pada tahun 1987, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Luar Negeri. Selepas pilihan raya 2004, beliau dilantik sebagai Menteri Pelancongan.

YB Dato Sri dilahirkan di Mukah, Sarawak dan mendapat pendidikan awal di SRB St. Patrick Mukah dan beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (UM) dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri pada tahun 1976.



Penyerahan surat pelantikan kepada Pengerusi Lembaga Getah Malaysia yang baru YB Dato Sri Muhammad Leo Toyad oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Turut hadir adalah YB Datuk Wira Hj Ahmad Hamzah dan YBhg Datuk Dr Mohd Akbar bin Md Said